

Muktamad terbitan bon RM1b

Cagamas Bhd mengumumkan kejayaan pemuktamadan terbitan agregat bon bernilai RM1 bilion, yang hasilnya akan digunakan untuk membiayai pembelian pinjaman perumahan daripada sistem kewangan.

Terbitan itu merangkumi Nota Jangka Sederhana Berkadar Tetap dalam denominasi dolar Singapura (SGD EMTN) bertempoh setahun bernilai S\$130 juta, EMTN dalam denominasi dolar Hong Kong (HKD EMTN) bertempoh setahun bernilai HK\$800 juta dan Nota Jangka Sederhana Konvensional (CMTN) bertempoh setahun bernilai RM175 juta.

SGD EMTN dan HKD EMTN dimuktamadkan masing-masing pada 1 peratus dan 0.85 peratus setahun.

Sementara itu, terbitan CMTN ditetapkan secara kompetitif pada 2.20 peratus, iaitu 37 mata asas lebih tinggi daripada Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) yang setara.

SGD EMTN dan HKD EMTN diterbitkan anak syarikat perbadanan itu, Cagamas Global PLC dan memiliki penarafan terbitan A3.